

1 AUG 2010
MIS 26

Kawalan keselamatan Kedutaan Malaysia di Jakarta perlu diperketat

KESEDIAAN penuntut dan rakyat Malaysia menyertai upacara menaikkan Jalur Gemilang di pekarangan Kedutaan Malaysia di Jakarta, sempena sambutan ulang tahun kemerdekaan negara ke-53 hari ini, tidak sepatutnya dilihat sebagai tindakan provokasi atau bertujuan menyakitkan hati mana-mana pihak di republik berkenaan. Upacara itu sudah menjadi tradisi yang dilakukan setiap kali menjelang 31 Ogos. Mereka berkumpul untuk meraikan sambutan itu dengan penuh kesedaran, rasa cinta dan taat setia kepada negara. Apatah lagi sebagai perantau, hak dan kebebasan mereka berada dalam kedutaan negara sendiri diperakui dan dilindungi oleh Konvensyen Vienna. Oleh itu, Indonesia juga harus mematuhi konvensyen itu yang menuntut setiap kerajaan melindungi keselamatan pejabat perwakilan asing di negara masing-masing. Dengan jangkaan adanya ancaman pihak tertentu untuk mengganggu sambutan itu, adalah wajar pihak berkuasa Indonesia meningkatkan kawalan keselamatan di sekitar Kedutaan Malaysia dengan sekurang-kurangnya melakukan sekatan bagi menghalang pihak tidak diingini mencetuskan kekacauan. Sebarang perhimpunan dan sambutan ulang tahun kemerdekaan mana-mana kedutaan sekalipun tidak wajar dipandang serong atau dicurigai individu atau kelompok di luar premis itu. Ketika Kerajaan Malaysia didesak sekelompok warga Jakarta yang memprotes penahanan tiga pegawai perikanan Indonesia dalam perairan Kota Tinggi, 6 Ogos lalu, keadaan itu tidak sepatutnya menjadi alasan untuk membatalkan sambutan ulang tahun kemerdekaan negara ke-53 di Jakarta. Sebaliknya, setiap warga negara Malaysia walau di mana berada, mesti mempamerkan semangat patriotisme dan integriti mereka terhadap negara tercinta. Apakah sambutan ini menjadi kesalahan pada kaca mata pihak tertentu di Indonesia yang mengancam mahu menganjurkan demonstrasi dan 'memberi hadiah istimewa' sempena ulang tahun kemerdekaan ke-53 di Kedutaan Malaysia di Jakarta hari ini?

Kita yakin Kerajaan Indonesia akan mengambil langkah sewajarnya untuk melindungi pejabat kedutaan serta rakyat kita dan kepentingan negara di republik itu. Apatah lagi, ada ancaman terbuka kumpulan tertentu yang mahu menjejaskan sambutan berkenaan hari ini. Rakyat Malaysia amat menghargai tindakan tegas diambil kerajaan, termasuk memberi tumpuan menambah kekuatan anggota polis untuk berkawal bagi mengelak kejadian mencemar dan mencabul Kedutaan Malaysia berulang. Kita khuatir kelemahan tahap keselamatan di Kedutaan Malaysia menjejaskan sambutan, seterusnya mencetuskan tindak balas rakyat negara ini atau diambil kesempatan pihak tertentu untuk mengadu domba hubungan kedua-dua negara. Dalam hal ini, Malaysia menunjukkan komitmen serius mematuhi tanggungjawab di bawah Konvensyen Vienna itu. Buktinya, pihak polis ketika ini membuat kawalan ketat di sekitar Kedutaan Besar Republik Indonesia di Jalan Tun Razak, di ibu negara bagi menghalang tindakan individu atau kumpulan yang mahu bertindak balas terhadap kepentingan republik itu di negara ini. Dalam suasana 'panas' ketika ini, ternyata keakraban, rasa saling menghormati dan mempercayai yang mendasari hubungan pemimpin tertinggi kedua-dua negara kekal menjadi tonggak yang mampu menangkis apa juga cubaan secara terbuka atau bersifat subversif pihak tidak bertanggungjawab yang mahu menggugat hubungan dua hala kedua-dua negara.